

MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Sila tulis huruf **(B)** bagi ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat yang **SALAH**.

BIL.	SOALAN	(B) atau (S)
1.	Orang yang khianat selalunya menceritakan rahsia orang kepada orang lain.	
2.	Sikap tamak patut diamalkan dalam kehidupan seharian.	
3.	Longkang yang tersumbat boleh menyebabkan pembiakan nyamuk.	
4.	Kita mesti menghargai apa juga pemberian orang kepada kita.	
5.	Biola adalah salah satu alat permainan tradisi melayu Brunei.	
6.	Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah adalah Sultan Brunei ke -29.	
7.	Seorang murid hendaklah sentiasa bijak mengatur masa dengan perkara-perkara yang berfaedah.	
8.	Amalan menghadiri majlis jemputan adalah sikap yang tidak baik untuk dicontohi.	
9.	Memandu kereta tanpa lesen adalah salah disisi undang-undang.	
10.	Orang yang jujur selalu dipandang hina.	

BIL.	SOALAN	(B) atau (S)
11.	Musibah bermaksud bencana, malapetaka dan kecelakaan.	
12.	Sikap boros merupakan amalan yang merugikan dan membazir.	
13.	Memakai pakaian yang menjolok mata adalah dilarang dalam agama Islam.	
14.	Jiran penting dalam kehidupan bermasyarakat.	
15.	Usah peduli akan kesusahan orang lain.	
16.	Memaksa ibu bapa membeli barang yang dikehendaki adalah menyusahkan mereka.	
17.	Ketika lagu kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dinyanyikan, kita perlu berhenti dan berdiri tegak tanda hormat.	
18.	Ponteng sekolah merugikan diri sendiri dan akan diambil tindakan.	
19.	Kita akan berasa selesa jika persekitaran rumah kita dalam keadaan kotor dan berbau.	
20.	Menabung baki wang belanja sekolah mengajar kita hidup berdikari.	

MEMILIH DAN MENYENARAIKAN NILAI-NILAI

Lihat jadual di bawah ini. Senaraikan ciri-ciri kelakuan yang baik dan kelakuan yang tidak baik berdasarkan maklumat yang disediakan.

- Rajin mengulangkaji pelajaran
- Suka membantu guru dan ibu bapa
- Berpakaian kotor ke sekolah
- Membiarkan kawan dalam kesusahan
- Senyum dan saling bertegur sapa
- Berdoa sebelum masuk tandas
- Suka bercakap besar
- Berburuk sangka dan iri hati
- Tidak ponteng sekolah
- Merosakan barang yang dipinjam

KELAKUAN YANG BAIK	KELAKUAN YANG TIDAK BAIK
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

PADANKAN AYAT

Padankan **NILAI-NILAI MURNI** di dalam **Petak A** yang sesuai maksudnya dengan **Petak B**. Tuliskan **HURUF** di ruang jawapan yang disediakan di dalam **Petak A**.

PETAK A		
Nilai-nilai murni		JAWAPAN
1	Pupus	
2	Ikrar	
3	Gigih	
4	Patriotik	
5	Pengsan	
6	Bersemayam	
7	Silaturahmi	
8	Barah	
9	Tip	
10	Mental	

PETAK B	
Maksud	
A	Mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara
B	Hubungan persaudaraan, kekeluargaan dan persahabatan.
C	Duduk atau tinggal (di atas takhta, singgahsana.
D	Maklumat yang sangat berguna
E	Hilang atau lenyap
F	Tidak sedarkan diri
G	Akal / Fikiran
H	Janji
I	Rajin berusaha
J	Kanser